

30 NOV 1996

Asean-mula

SIDANG KEMUNCAK TIDAK RASMI PERTAMA ASEAN BERMULA

JAKARTA, 30 Nov (Bernama) -- Ketua-ketua kerajaan Asean hari ini memulakan sidang kemuncak tidak rasmi mereka di Hotel Hilton di sini dalam suasana tenang dan bersahaja.

Mesyuarat sehari itu dihadiri pemimpin ketujuh-tujuh negara anggota Asean kecuali Thailand.

Mereka ialah Sultan Hasanal Bolkiah dari Brunei, Presiden Suharto (Indonesia), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Malaysia), Presiden Fidel Ramos (Filipina), Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Vietnam, Vo Van Kiet.

Thailand diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri, Amnuay Virawan.

Ketujuh-tujuh pemimpin itu bermesyuarat pagi ini sebelum menanggungkan pertemuan itu untuk makan tengah hari di mana rakan sejawatan mereka dari Laos, Kemboja dan Myanmar akan turut serta.

Mereka kemudian akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatan mereka dari ketiga-tiga negara Indochina itu.

Semasa ketua-ketua kerajaan Asean itu mengadakan perbincangan pada sebelah pagi, pemimpin Kemboja, Laos dan Myanmar itu akan melakukan lawatan ke Sekretariat Asean di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan membawa perhatian pemimpin-pemimpin Asean ke arah Kerjasama Pembangunan Lembah Mekong serta projek keretapi Trans-Asia.

Kemasukan Myanmar ke dalam Asean dijangka menjadi topik utama di kalangan para pemimpin berkenaan.

Isu-isu lain yang dijangka dibincangkan ialah perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara, Laut China Selatan, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan akta luar wilayah Amerika Syarikat.--BERNAMA

ES OBA